

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah komitmen Kerajaan untuk memastikan sistem perhubungan dan pengangkutan udara antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak tidak terjejas sekiranya syarikat-syarikat penerbangan sedia ada, meminimumkan operasi penerbangan akibat kemerosotan jumlah penumpang berpunca daripada kesan pasca pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini syarikat-syarikat penerbangan negara seperti MAB, Air Asia, Malindo, MABKargo, Raya Airways dan MyJet Express Airlines telah menyediakan perkhidmatan penerbangan penumpang dan kargo di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dengan kekerapan sebanyak 136 kali seminggu (vv).
2. Pelaksanaan sekatan perjalanan ke Sabah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan mulai 13 Oktober 2020 dan dilanjutkan sehingga 9 November 2020, serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2022 di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya memberi kesan terhadap jumlah permintaan penumpang penerbangan di antara Semenanjung dengan Sabah pada bulan Oktober 2020.

3. Syarikat-syarikat penerbangan negara komited untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan yang menghubungkan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak tertakluk kepada jumlah keadaan permintaan pasaran dan syarat-syarat kuarantin yang ditetapkan.
4. Kerajaan juga komited dalam memastikan kesalinghubungan (*connectivity*) antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dikekalkan pada jumlah kekerapan penerbangan yang munasabah selaras dengan permintaan semasa.
5. Bagi tujuan mengembalikan keyakinan rakyat untuk menggunakan semula pengangkutan udara dalam situasi penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) yang wajib dipatuhi oleh semua pihak termasuk syarikat penerbangan, operator lapangan terbang dan para penumpang. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama Kementerian dan Agensi Kerajaan berkaitan, syarikat-syarikat penerbangan dan operator lapangan terbang untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi menggerakkan dan memulihkan sektor pengangkutan udara.

Sekian, terima kasih.